



SIARAN MEDIA

PERNAS INTERNATIONAL FRANCHISE FESTIVAL (PIFF) 2025 BERJAYA CATAT NILAI JUALAN RM21.3 JUTA

KUALA LUMPUR, 3 MAC 2025 – Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), berjaya mencatat transaksi jualan sebanyak **RM21.3 juta** berbanding sasaran iaitu RM12 juta di PERNAS International Franchise Festival (PIFF) 2025 yang telah berlangsung pada 7 hingga 9 Februari 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata “PIFF 2025 mencatat nilai jualan yang membanggakan melebihi sasaran sebanyak **RM9.3 juta** untuk keseluruhan tempoh tiga (3) hari penganjurannya. Penganjuran ini dilihat bukan sahaja mempromosi keseluruhan ekosistem keusahawanan francais khususnya dalam sektor kopi dan kafe, malah membantu pertumbuhan ekonomi negara”.

Dengan penyertaan **83 jenama** daripada **10 buah negara termasuk Malaysia, China, Taiwan, Korea, Indonesia, Vietnam, USA, Jepun, Jerman dan Thailand**, PIFF 2025 mencatat jumlah kehadiran lebih **16,000 pengunjung**.

PIFF 2025 dengan tema “**Brew Your Success, Empowering Entrepreneurs**” memberi fokus kepada industri kopi, teh dan kafe. Acara ini menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti pameran produk dan perkhidmatan berkaitan kopi, teh dan kafe, pameran agensi-agensi berkaitan keusahawanan, forum antarabangsa dan keusahawanan, padanan perniagaan, pertandingan “Latte Art”, cabutan bertuah, pertandingan *E-Sport* serta persembahan buskers dan mini konsert daripada artis terkemuka.

PIFF 2025 turut menyaksikan pelancaran Dasar Francais Negara (DFN) 2030 serta pertukaran beberapa memorandum persefahaman (MoU) PERNAS bersama SME Corp, Prasarana Integrated Development Sdn Bhd (PRIDE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan TERAJU.

KUSKOP melalui PERNAS terus komited melaksanakan lebih banyak program keusahawanan dan PIFF dijangka akan dianjurkan lagi pada masa akan datang bagi memberi peluang kepada orang ramai meneroka bidang perniagaan francais berdasarkan maklum balas positif para pempamer dan pengunjung.

Perhubungan Media:

Puan Hartini Hashim

Ketua Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi
Emel: hartini.hashim@kuskop.gov.my
No. Telefon: +6012-930 7504

Puan Nurzahirah Md Zamri

Ketua Seksyen, Jabatan Komunikasi Strategik
Emel: nurzahirah.zamri@pernas.my
No. Telefon: +6019-959 8811

PERBADANAN NASIONAL BERHAD (PERNAS)

Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) adalah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (Kementerian Kewangan) dengan mandat untuk menerajui pembangunan industri francais di Malaysia dan membantu mengembangkan komuniti keusahawanan negara.

PERNAS komited untuk memperkasakan pertumbuhan keusahawanan dan industri francais di Malaysia. Dari bimbingan hingga menghubungkan jalinan rangkaian, pembiayaan dan latihan, kami menyasarkan untuk mengembangkan pengetahuan, mengukuhkan komuniti francais dan memupuk bakat francais generasi akan datang. Dengan cara ini, kami percaya ia dapat memacu perubahan positif merentasi landskap keusahawanan Malaysia.

Laman web : www.pernas.my
Facebook : pernasofficial
Twitter : pernasofficial
Instagram : pernasofficial



Majlis Peluncuran PERNAS International Franchise Festival 2025 & Dasar Francais Negara 2030.



Dari kiri : Dato Hazimah Zainuddin, Pengerusi PERNAS, YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP, Dato' Sri Khairul Dzaimie Daud, Ketua Setiausaha KUSKOP dan Tengku Mohamed Fadhli Tengku Hamzah, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PERNAS.



Ucapan peluncuran oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.





Gambar sekitar PIFF 2025.